

PENDAHULUAN

Kejohanan Olahraga Master Asia Ke-18 telah berlangsung di Kitakami, Jepun, pada 19 – 23 September 2014. Seramai 40 orang atlet master Negara dan pegawai kontinjen telah mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut. Kontinjen telah bertolak pada 17 September dan balik pada 25 September 2014.

Persatuan Olahraga Master Malaysia (POMM) telah membekalkan bahan-bahan berikut untuk semua peserta:

1. Sepasang baju trek
2. Sepasang shorts and vest
3. Sebuah beg
4. Buku cenderamata
5. Elaun makanan
6. Topi
7. Logo MMAA

KEPUTUSAN

- a). Mencatat Rekod baharu Kejohanan Olahraga Master Asia
- b). Menyamai rekod Kejohanan Olahraga Master Asia
- c). 3 Pingat emas

Kontinjen Negara telah memenangi:

- | | |
|---|---------------|
| 3 | Pingat Emas |
| 2 | Pingat Perak |
| 5 | Pingat Gangsa |

Berikut adalah pemenang pingat dalam kejohanan:

(1). **JULIANA GUMPIL (W 50 +)**

100m (Pingat Emas) - mencatatkan rekod baharu kejohanan dengan catatan masa 13.77s

Lompat Jauh (Pingat Emas)

4 x 400m (Pingat Emas)

Lompat Kijang (Pingat Perak)

(2). **VERONICA ELAU (W 55 +)**

5000m (Pingat Perak)

2000m SC (Pingat Gangsa)

(3) **MAITEH SADIMAN (W 45 +)**

4 x 400m (Pingat Emas)

2000m SC (Pingat Gangsa)

(4) **SUSANNA HIEW (W 60 +)**

5000m (Pingat Gangsa)

(5) **BERNICE LAU KAM MUN (W 40 +)**

4 x 400m (Pingat Emas)

Lompat kijang (Pingat Gangsa)

(6) **JOAN GOH PENN NEE (W 40 +)**

4 x 400m (Pingat Emas)

(7) **ALIUDIN JUMAAT (M 55 +)**

Lompat Tinggi (Pingat Gangsa) - Menyamai rekod kejohanan

PEMILIHAN PEGAWAI MALAYSIA SEBAGAI

- (1). SETIAUSAHA ASIA MASTERS ATHLETICS (AMA)
- (2). AMA WOMEN REPRESENTATIVE

Pada 21 September 2014, Perhimpunan Agung AMA (AMA General Assembly) telah berlangsung di Hotel City Plaza, Kitakami. Sebanyak 25 buah Negara Asia menjadi Ahli Gabungan AMA. Pemilihan untuk Ahli Majlis Tertinggi AMA (AMA Council Members) yang baharu, bagi sesi 2015 – 2018 telah diadakan dalam perhimpunan ini. Seramai 25 deleget layak untuk mengundi.

(a).Bagi jawatan Setiausaha AMA:

Encik S. Sivapragasam (Setiausaha Kehormat POMM) telah mendapat 17 undi, manakala Fumio Sasaki dari Jepun telah menerima 7 undi dan David Premnath dari India menerima 1 undi.

Dengan itu **Encik S. Sivapragasam** telah dipilih sebagai **Setiausaha AMA** yang baharu. Beliau juga telah dipilih sebagai **Wakil Asia** ke World Masters Athletics (WMA)

(b). Bagi jawatan AMA Women Representative :

Cik R. Kalaivalli dari Malaysia (Setiausaha Pengelola Kejohanan Olahraga Master Asia Ke-16, 2010 di Kuala Lumpur) telah mendapat 16 undi, manakala Glory Barnabas dari Singapura menerima 6 undi dan 3 undi rosak.

Dengan itu **Cik R. Kalaivalli** (pensyarah kanan Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, Lembah Pantai) telah dipilih sebagai **AMA Women Representative**.

Ini merupakan kepercayaan dan satu penghormatan yang telah diberikan oleh negara-negara Asia kepada Negara kita.

UCAPAN TERIMA KASIH DAN PENGHARGAAN

Kami pihak POMM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada :

YB Menteri Belia dan Sukan Malaysia

YBhg Dato' Ketua Setiausaha KBSM

YBhg Dato' Timbalan Ketua Setiausaha KBSM

Yang Berusaha Ketua Pengarah Jabatan Sukan Negara KBSM

Yang Berusaha Timbalan Ketua Pengarah (Bhgn Sukan) KBSM

YBhg Dato' Seri Ketua Pengarah MSNM

atas bantuan, sokongan dan nasihat yang telah diberikan kepada pihak kami sehingga berjaya dalam kejohanan peringkat Asia ini.

S. Sivapragasam, A.M.W.
Setiausaha Kehormat
POMM

PERSATUAN OLAHRAGA MASTER MALAYSIA

LAPORAN

KONTINJEN NEGARA

KE KEJOHANAN OLAHRAGA MASTER ASIA KE-18

**DI KITAKAMI, JEPUN
19 – 23 SEPTEMBER 2014**

MENCATAT REKOD BAHARU ASIA

MEMENANGI 3 PINGAT EMAS

**DIPILIH SEBAGAI SETIAUSAHA
ASIA MASTERS ATHLETICS (AMA)**

DIPILIH SEBAGAI WOMEN REPRESENTATIVE OF AMA

